JABATAN TENAGA KERJA NEGERI PERAK
ARAS G, BLOK C
BANGUNAN PERSEKUTUAN GREENTOWN
JALAN DATO' SERI AHMAD SAID, 30450 IPOH
PERAK DARUL RIDZUAN

TEL : 05- 2545271
FAKS : 05- 2545221
EMAIL : jtknperak@mohr.gov.my

Ruj Kami : JTK.PK.(1)PMT(SEK.24)10804 Jld.10(7)
Tarikh : 03 Oktober 2022

Pengurus,
CENTENNIAL INSIGHT SDN. BHD.
Lot 15555 (PT 10480) ,
Lumut Port Industrial Park,
32200 Lumut,
Perak Darul Ridzuan.

Tuan,

POTONGAN UPAH DI BAWAH SEKSYEN 24 AKTA KERJA 1955
BAYARAN BAGI PAKAIAN SERAGAM (UNIFORM) .

Dengan hormatnya saya merujuk kepada permohonan tuan berkaitan perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan, setelah dikaji dan dipertimbangkan, Jabatan ini memutuskan permohonan potongan upah di bawah seksyen 24 Akta Kerja 1955 bagi tujuan potongan bayaran **Pakaian Seragam (uniform)** adalah **DILULUSKAN** tertakluk kepada syarat -syarat berikut :

i. Potongan hendaklah dengan persetujuan bertulis pekerja;

ii. Surat persetujuan yang ditandatangani oleh pekerja yang membenarkan potongan gaji hendaklah disimpan dan ditunjukkan kepada Ketua Pengarah pada bila-bila masa diminta olehnya;

iii. Jumlah potongan adalah sebanyak RM 150.00 sahaja (RM 50 x 3 bulan) untuk potongan dan dikembalikan wang cagaran kepada pekerja sekiranya tidak bekerja lagi dengan tuan; dan

iv. Jumlah keseluruhan potongan upah pekerja sebulan tidak boleh melebihi 50% daripada pendapatan bulanan atau 75% sekiranya potongan gaji melibatkan pinjaman perumahan;dan

Ruj Kami : JTK.PK.(1)PMT(SEK.24)10804 Jld.10(7)

POTONGAN UPAH DI BAWAH SEKSYEN 24 AKTA KERJA 1955
BAYARAN BAGI PAKAIAN SERAGAM (UNIFORM) .

---

v. Bagi tujuan pembayaran kepada pihak ketiga majikan hendaklah dipertanggungjawabkan untuk memastikan bayaran tersebut dijelaskan bagi maksud potongan.

3. Kebenaran untuk permit potongan upah ini adalah berkuatkuasa serta merta dan **boleh ditarik balik** oleh Ketua Pengarah Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia sekiranya terdapat ketidakpatuhan terhadap syarat-syarat kelulusan ini.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Pekerja Tonggak Keluarga Malaysia Dalam Pemulihan Negara"

Saya yang menjalankan amanah,

(HJ. MUHAMAD FAUZI BIN HJ. ABD GHANI)
Pengarah Tenaga Kerja Negeri
Perak Darul Ridzuan

s.k. 1. PPTKK Sitiawan

2. Fail Timbul